

Persetujuan Abdullah, Bush di New York bagi mengelak konflik **Hormati antara agama**

Daripada ZIN MAHMUD

UM-20/9/2006

NEW YORK 19 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush berbincang secara panjang lebar dan bersetuju mengenai pentingnya semua pihak menghormati antara agama bagi mengelakkan konflik.

Pertemuan selama 55 minit antara Perdana Menteri Malaysia yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Presiden negara kuasa besar tunggal dunia itu berlangsung ketika berlakunya konflik di Asia Barat dan salah tanggapan mengenai Islam oleh Barat.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan itu, Abdullah berkata, beliau telah melahirkan harapan bahawa Bush akan menghargai usaha mereka yang terlibat dalam konflik itu untuk mencari cara tersendiri bagi menyelesaikan masalah mereka.

"Beliau mengakui bahawa kita (orang Islam) mahukan keamanan dan beliau juga mahukan keamanan tetapi pendekatan kita berbeza. Dan inilah yang perlu jadi tumpuan untuk kita samakan supaya tidak jadi masalah, perlu ada persefahaman lebih baik," katanya mengenai pertemuan itu yang diatitkan semasa beliau berada di sini bagi menghadiri sesi ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau menyifatkan perbincangan yang diusahakan Bush yang berlangsung di Hotel Waldorf-Astoria di sini sebagai 'rancak' dengan menyentuh pelbagai perkara penting.

Pada akhir perbincangan mereka, Bush menyifatkan Abdullah sebagai seorang pemimpin unggul dan mereka turut membincangkan "banyak perkara tetapi topik utama yang kami bincangkan ialah bagaimana untuk memastikan keamanan berkekalan".

Menyatakan bahawa Presiden itu memberitahu beliau (Abdullah) boleh memainkan peranan sebagai pemimpin Islam dalam mencapai keamanan global, Abdullah berkata, kedua-dua mereka berkongsi harapan

yang sama bagi keamanan walaupun pendekatan untuk mencapai sasaran itu mungkin berbeza.

Mengenai Palestin, pemimpin Malaysia itu berkata, beliau meminta Bush memberikan sokongan kepada usaha mewujudkan kerajaan perpaduan nasional antara kerajaan pimpinan Hamas dan pergerakan Presiden Palestin Mahmoud Abbas Fatah.

Laporan sebuah agensi berita menyatakan Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniya berkata, rundingan dengan Abbas untuk membentuk kerajaan perpaduan masih belum menemui jalan buntu dan tidak seperti mana dilaporkan sebelum ini.

Hormati antara agama

wakili Palestin dalam apa juga rundingan yang mungkin diadakan kemudian," katanya dan menurutnya beliau merancang untuk berjumpa dengan Abbas untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai usaha damai di Palestin.

Mengenai Lebanon yang PBB telah mengusahkan gencatan senjata berkuat kuasa 14 Ogos selepas 34 hari berlakunya konflik antara Israel dan pejuang Hizbullah, Abdullah berkata, Bush menyambut baik hasrat Kuala Lumpur untuk menghantar pasukan

pengaman di bawah panji-panji PBB.

Malaysia masih menunggu kelulusan daripada badan dunia itu untuk berbuat demikian.

Mengenai kemelut Iran dengan Barat berhubung program nuklear negara itu, Perdana Menteri berkata, Bush menyatakan pendekatan terbaik untuk menyelesaikan perkara itu ialah menerusi rundingan diplomatik.

"Saya katakan bahawa rundingan dengan Iran patut dimulakan tanpa sebarang prasyarat," kata Abdullah.

Beliau berkata, lebih banyak tumpuan perlu

diberikan ke arah mencapai keamanan di Iraq yang sedang bergolak, dan menggesa puak Sunni dan Syiah di negara itu berhenti bersengketa.

Perbincangan Abdullah-Bush turut menumpukan pada cadangan perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara Malaysia dan AS, dengan Abdullah menyatakan rundingan berhubung FTA akan ditemiskan.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan beberapa pihak bahawa Malaysia akan kerugian sekiranya FTA dilaksanakan, beliau memberikan jaminan bahawa perkara seumpama itu tidak akan berlaku kerana rundingan akan dilakukan secara berhati-hati.

Mengenai isu dua rakyat Malaysia ditahan

di penjara yang dikendalikan oleh AS di Teluk Guantanamo di Cuba, Abdullah berkata, beliau tidak berkesempatan untuk membangkitkan perkara itu dengan Bush kerana perbincangan mereka lebih bertumpu kepada usaha untuk mencapai keamanan dan persefahaman di dunia.

Namun katanya, Kedutaan Malaysia di Washington telah menghubungi kerajaan AS bagi menyatakan pendirian Kuala Lumpur bahawa kedua-dua tahanan itu patut dilayan secara adil semasa mereka melalui proses undang-undang Amerika.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

- Utusan